



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan  
Timbalan Menteri Sumber Manusia**

**Merangkap**

**Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

**SEMPENA TAKLIMAT BERSAMA PIHAK INDUSTRI DI KELANTAN**

Tarikh : 2 Julai 2012  
Masa : 12.00 tengahari  
Tempat : Grand Riverview Hotel  
Anjuran : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kelantan  
Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Assalamualaikum w.b.t, Salam Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Syukur ke hadrat Allah swt kerana limpah dan kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program Bersama Pihak Industri di negeri Kelantan. Saya juga turut berasa gembira melihat komitmen dan sambutan yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan semua untuk hadir bagi menjayakan program ini.
2. Saya turut mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan sekalung tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur program iaitu Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) bersama-sama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Kelantan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Dalam negara bergerak ke arah negara ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kerajaan banyak memberikan tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif yang terdapat di dalam Dasar Transformasi Negara. Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan salah satu program yang dipantau oleh kerajaan untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat yang dilaksanakan melalui 12 National Key Economic Areas (NKEA) seperti projek dalam bidang minyak, gas dan tenaga, pelancongan, perladangan dan pertanian, pemborongan dan peruncitan serta infrastruktur yang sedang dilaksanakan samada di dalam dan luar bandar.
4. Seiring dengan itu, peranan dan penglibatan pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tidak boleh dinafikan lagi di dalam menjayakan program-program Kerajaan. Berdasarkan statistik terkini Perbadanan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia 90 peratus (90%) industri di Malaysia merupakan pihak IKS yang telah memberikan sumbangan dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini sejajar dengan Laporan Tahunan PKS 2010/2011 yang menunjukkan dalam tempoh 2003-2010,

produktiviti PKS telah meningkat pada kadar purata 4% berbanding 3.1% bagi firma besar. Tahniah saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan berikutan perkembangan yang positif ini. Saya juga berharap supaya PKS dapat memanfaatkan peluang yang muncul daripada langkah liberalisasi dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam usaha merealisasikan potensi pertumbuhan PKS untuk mengintegrasikan PKS ke dalam arus perdana ekonomi.

5. Sehingga kini, seramai lebih kurang 26 juta orang daripada penduduk Malaysia adalah terdiri daripada golongan pekerja samada di sektor awam mahupun swasta. Untuk itu, dalam merencanakan lagi pembangunan dan produktiviti organisasi, keperluan bagi menyediakan para pekerja atau modal insan yang produktif, sihat, berkualiti dan berkeupayaan amatlah penting.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kemalangan di tempat kerja akan memberikan implikasi dan imej yang buruk kepada organisasi yang terlibat khususnya dan Negara amnya. Kos yang perlu ditanggung sekiranya berlaku kemalangan sudah pastinya lebih tinggi nilainya berbanding kos yang perlu dikeluarkan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja. Bukan sahaja kos rawatan, ganti rugi dan pampasan kepada keluarga mangsa perlu dibayar malah industri akan kehilangan tenaga pekerja terlatih, mengalami gangguan dalam pengeluaran, kerosakan jentera dan juga mungkin dikenakan tindakan saman sivil.
7. Walau bagaimanapun secara keseluruhan kadar kemalangan yang dilaporkan dari PERKESO pada tahun 2011 adalah sebanyak 59,897 berbanding tahun 2010 sebanyak 57,639 kemalangan kadar ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.92%. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara holistik, kadar kemalangan Negara di tempat kerja pada tahun 2011 mencatatkan 3.4 per seribu pekerja jika dibandingkan lima tahun yang

lalu 2007 ialah 4.52 per seribu pekerja. Hal ini dipandang serius oleh semua pihak. Di sini para semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu kerajaan dalam mempromosikan 'Membudayakan ke arah keselamatan dan kesihatan pekerjaan'.

8. Jika dibandingkan pula laporan kemalangan yang diterima PERKESO bagi suku kedua tahun 2011 dengan suku kedua tahun 2012, dilihat terdapat peningkatan sebanyak 5.74% daripada 24,224 kes kepada 25,615 kes kemalangan masing-masing. Bagi suku kedua tahun 2012 ini, sebanyak 9,327 kes kemalangan di sektor pembuatan telah dilaporkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah merangka satu pelan strategi iaitu **Pelan Induk Penambahbaikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Kecil dan Sederhana 2009-2014** yang melibatkan aktiviti penguatkuasaan, penyediaan standard, latihan dan juga promosi yang merangkumi keseluruhan lebih kurang 548,000 organisasi di bawah IKS.
10. Pelan ini menggariskan strategi yang dilaksanakan JKPP melalui aktiviti **OSH Compliance Support untuk Sektor IKS 2012** yang akan dijalankan bersama di antara JKPP, PERKESO, NIOSH dan perunding mahir di dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Antara objektif strategi ini adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan di Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana, membangun dan mewujudkan Sistem Pengurusan KKP, mempromosi dan menjadikan KKP sebagai agenda penting Negara dan kerjasama antara tripartite.
11. Saya amat percaya, kombinasi antara majikan dan pekerja yang prihatin, berkualiti, berproduktiviti tinggi dan berpengetahuan tinggi; pelaksanaan sistem pengurusan

keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif; dan pengadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap dan standard yang dikehendaki.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah keutamaan pihak Kerajaan. Kegagalan pihak majikan dan pekerja di dalam mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967, boleh mengakibatkan tindakan mahkamah diambil ke atas mereka. Namun, itu bukanlah fokus utama penguatkuasaan yang dijalankan JKPP tetapi sebaliknya adalah bagi membantu industri untuk mematuhi peruntukan yang telah ditetapkan dalam perundangan berkaitan.

13. Kepada semua yang hadir pada hari ini, terima kasih dan syabas juga saya ucapkan di atas semangat dan kerjasama yang ditunjukkan dan diharapkan agar peluang ini dapat digunakan sebaik mungkin bagi memperoleh segala informasi dan pengetahuan yang berguna berkenaan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Sekian terima kasih.